

06 FEBRUARI 2018

## Budak positif syabu diserahkan kepada ibu kandung

HARIAN METRO

### Budak positif syabu diserahkan kepada ibu kandung

**Alor Setar:** Kanak-kanak berusia 10 tahun yang didapati positif dadah jenis syabu ketika pemeriksaan pihak berkuasa di rumahnya di Pokok Sena minggu lalu, diserahkan kepada ibu kandungnya untuk jagaan.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Kedah Azmi Abd Karim berkata, kanak-kanak berkenaan sebelum itu ditempatkan di wad kanak-kanak Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) selepas diselamatkan JKM berada dalam keadaan baik.

Azmi berkata hasil siasatan JKM mendapati selepas ibu dan bapanya bercerai, kanak-kanak itu dijaga oleh bapa kandungnya di Desa KEDA, Kampung Bukit Pokok Sena sebelum bapanya meninggal dunia empat tahun lalu.

"Ibu kandungnya bukannya tidak pernah cuba mencarinya namun arwah bapa kandungnya itu tidak membenarkan dia kembali kepada ibu kandungnya, yang kini sudah pun berkahwin lain," katanya.

Beliau berkata kanak-kanak itu kini diserahkan kepada ibu kandungnya di Tandop, Alor Setar dan pada masa sama akan dipantau oleh pegawai JKM yang mengendalikannya kes berkenaan.

"Alhamdulillah, kanak-kanak itu juga berada dalam keadaan baik," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, enam lagi adik-beradik tirinya yang lain berusia antara 16 hingga 30 tahun sudah dirujuk kepada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk tindakan selanjutnya selepas gagal ujian dadah.

Difahamkan, dua kakak dan empat abang tirinya itu adalah anak daripada ibu lain yang sudah meninggal dunia akibat kanser sejak 10 tahun lalu.

Harian Metro sebelum ini melaporkan mengenai tujuh beradik didapati positif dadah jenis syabu termasuk seorang kanak-kanak berusia 10 tahun ketika pemeriksaan oleh AADK dan JKM serta agensi lain di rumah mereka di Pokok Sena.